

WAR 06 MAQĀṢID AL-SHĀRĪ'AH DALAM PELAKSANAAN WASIAT

Hasliza binti Talib, Norziah binti Othman, Siti Zaleha binti Ibrahim
Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Dr. Nor'Adha binti Abd Hamid
Abdulhakim Fakhrudeen bin Muhammad Ridzuan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

hasliza@kuis.edu.my, norziah@kuis.edu.my, sitizaleha@kuis.edu.my,
norsaadah@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my

ABSTRAK

Setiap pensyariatan dalam Islam tidak terlepas daripada *Maqāṣid al-Sharī'ah*, objektif dan hikmah pensyariatannya yang tersendiri. Begitu juga halnya dengan amalan wasiat yang merupakan sebuah instrumen perancangan harta orang Islam yang penting dan sangat dituntut dalam Islam. Penerokaan terhadap *Maqāṣid al-Sharī'ah* mestilah sentiasa dilakukan bagi membantu dan memudahkan proses penetapan hukum fiqh. Justeru, kajian ini akan cuba menerokai *Maqāṣid al-Sharī'ah* disebalik pelaksanaan wasiat dan pensyariatannya. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen kajian teks dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa pensyariatan dan pelaksanaan wasiat dapat merealisasikan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam penjagaan *al-Kulliyāt al-Khams*, serta meraikan *Maṣlahah* dan menolak *Mafsadah*. Justeru, setiap pelaksanaan wasiat mestilah selari dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah*.

Kata kunci: *Maqāṣid al-Sharī'ah*, Pelaksanaan Wasiat, Pengurusan Harta Pusaka

PENDAHULUAN

Wasiat merupakan salah sebuah instrumen perancangan harta orang Islam yang telah diperkenalkan dan diamalkan sejak dari awal Islam lagi. Banyak nas-nas dan dalil yang menunjukkan bahawa agama Islam sangat menggalakkan penganutnya untuk melaksanakan wasiat. Jika ditelusuri kepada setiap pensyariatan dalam Islam, kita akan dapati bahawa setiap pensyariatan dalam Islam mempunyai objektif tersendiri untuk dicapai dan bukannya semata-mata amalan ritual tanpa sebarang tujuan yang diistilahkan sebagai *Maqāṣid al-Sharī'ah*.

Banyak kajian yang dijalankan membuktikan betapa pentingnya pengambilkiraan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam penetapan sesebuah hukum fiqh, lebih-lebih lagi dalam isu berkaitan dengan perkara-perkara yang memerlukan kepada ijtihad. Bertitik tolak daripada fakta bahawa ijtihad adalah asas kepada penentuan hukum-hukum pengurusan dan pelaksanaan wasiat, kajian ini dijalankan bagi meneroka *Maqāṣid al-Sharī'ah* di sebalik pelaksanaan amalan wasiat dan kemudiannya akan memudahkan dan membantu dalam proses penetapan hukum fiqh bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan wasiat.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Wasiat

Perkataan “wasiat” daripada sudut etimologinya berasal daripada perkataan “*waṣṣā*” dalam Bahasa Arab yang bererti memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan, perhubungan atau pemberian harta selepas mati.¹ Dalam Bahasa Arab, wasiat bererti: “*meminta seseorang untuk melakukan sesuatu perkara pada ketiadaan dirinya, sama ada ketika hayatnya ataupun selepas kematiannya*”.²

Manakala daripada sudut terminologi fiqhnya, boleh dikatakan semua mazhab fiqh bersetuju terhadap konsepnya walaupun terdapat sedikit perbezaan dari sudut struktur definisinya³, yang mana kesemuanya merujuk kepada “pemilikan harta yang dilaksanakan selepas kematian, yang dilakukan secara *taṭawwu*’, sama ada wasiat tersebut berupa sesuatu benda ataupun manfaat”.⁴

Pada peringkat permulaan Islam, wasiat diwajibkan kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat yang terdekat seperti mana dalam surah al-Baqarah ayat 180, namun ayat ini telah dimansuhkan oleh ayat-ayat dari surah al-Nisa (ayat 11, 12 dan 176).⁵ Jika dilihat dari aspek hukum *taklīfiy* bagi penulisan wasiat, hukum wasiat boleh dibahagikan mengikut lima hukum taklīfiy, iaitu; (1) Wajib, (2) Sunat, (3) Harus, (4) Makruh, dan (5) Haram.⁶ Manakala hukum asal bagi wasiat bukanlah fardhu ataupun wajib seperti yang dikatakan oleh sesetengah sarjana⁷, malah hukum wasiat adalah harus pada asalnya dan boleh berubah mengikut keadaan kepada lima Hukum *Taklīfiy* tadi.⁸

Wasiat wajib dilakukan jika wasiat tersebut berkait dengan hak-hak Allah SWT yang tidak ditunaikan pada hayatnya, seperti zakat dan haji yang belum ditunaikan dan wasiat kepada perkara-perkara yang berkait dengan hak-hak manusia yang tidak dapat diketahui melainkan melalui wasiat sahaja, seperti hutang dan wadī‘ah yang hanya diketahui oleh pewasiat sahaja.⁹ Demikianlah, mazhab Hanbali menyatakan hukum wajib wasiat apabila jika pengabaian terhadap wasiat boleh mengakibatkan hilangnya hak-hak manusia atau peribadatan¹⁰

¹Jasni Sulong, “Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang Dan Penggubalan Di Selangor,” *Jurnal Syariah* 13, no. 2 (2005): 47–63; Mohd Zamro Muda, “Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia,” in *Konvensyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan 2008*, 2008; Badrul Hakimi Bustaman and Yusni Yusak, “Hibah Dan Wasiat Pelengkap Pegurusan Warisan Islam: Kajian Di Wasiyyah Shoppe,” n.d.

²Zayn al-Dīn Muḥammad Abū Bakr al-Rāziy, *Mukhtār Al-Ṣiḥāḥ*, ed. Yūsuf al-Shaykh Muḥammad (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, n.d.).

³ Naṣr Farīd Muḥammad Wāṣil, *Fiqh Al-Mawārīth Wa Al-Waṣiyyah Fī Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah* (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfīqiyyah, 1995), 6.

⁴Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb Al-Sharbīniy, *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz Al-Minhāj* (Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 3:39.

⁵Mohd Zamro Muda, “Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia”; Badrul Hakimi Bustaman and Yusni Yusak, “Hibah Dan Wasiat Pelengkap Pegurusan Warisan Islam: Kajian Di Wasiyyah Shoppe”; Sayyid Sābiq, *Fiqh Al-Sunnah* (Beirut, Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy, 1977); Wahbah Al-Zuhayliy, *Al-Waṣāyā Wa Al-Waqf Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy* (Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, 1987).

⁶Muḥammad Amīn ‘Umar Ibn ‘Ābidīn, *Radd Al-Muḥtār ‘Alā Al-Durr Al-Mukhtār*, 2nd ed. (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 5:428.

⁷Abū Muḥammad ‘Aliyy Aḥmad Ibn Hazm, *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār* (Beirut: Dār al-Fikr, n.d.), 9:312&322.

⁸Wāṣil, *Fiqh Al-Mawārīth Wa Al-Waṣiyyah Fī Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*, 109.

⁹Ibid., 107.

¹⁰Abd al-Raḥmān Muḥammad Al-Jazīriy, *Al-Fiqh ‘Alā Al-Madhāhib Al-Arba‘ah*, 2nd ed. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).

Wasiat pula sunat dilakukan apabila wasiat tersebut dilakukan kepada perkara-perkara sunat seperti menyedekahkan harta kepada kaum keluarga, orang-orang baik, para pelajar dan sebagainya.¹¹(Sabiq a.-S. , t.th) menyatakan wasiat menjadi sunat jika berwasiat kepada kerabat yang fakir dengan syarat orang yang meninggal dunia meninggalkan harta yang banyak dan tidak melebihi sepertiga harta. Manakala pandangan (al-Zuhayli, 1989) menyatakan sunat kepada kaum kerabat yang fakir miskin seperti ibu bapa dan anak angkat yang tidak berhak mendapat harta pusaka.

Sebaliknya, wasiat menjadi haram sekiranya dilakukan kepada perkara-perkara haram dan maksiat, seperti wasiat pembinaan gereja, pusat-pusat hiburan melalaikan dan sebagainya.¹²Wasiat menjadi haram menurut (Sabiq a.-S., t.th) jika wasiat dilaksanakan melebihi sepertiga harta yang dimilikinya atau orang yang menerima wasiat itu orang yang tamak harta. Ada kalanya wasiat boleh dihukum makruh apabila wasiat itu diberikan kepada orang fasik dan ahli maksiat yang mana pewasiat pasti (*Ghalabah al-Zann*) harta yang diwasiatkan itu akan digunakan pada jalan yang haram.¹³Wasiat juga makruh dilakukan jika wasiat itu diberikan kepada orang kaya, sedangkan terdapat dalam kalangan kaum kerabat pewasiat tersebut yang miskin.¹⁴Manakala, wasiat harus hukumnya apabila dilakukan kepada orang yang kaya, walaupun orang kaya tersebut bukan daripada golongan berilmu dan beramal soleh.¹⁵

Bagi memastikan wasiat dilaksanakan dengan adil dan saksama serta berjaya memantapkan ekonomi, Islam telah meletakkan syarat-syarat serta hukum-hukum tersendiri bagi menguruskan wasiat.¹⁶Syarat-syarat ini boleh dikategorikan mengikut rukun-rukun wasiat, iaitu; (1) Pewasiat (Mūsī), (2) Penerima wasiat (Mūsā Lah), (3) Harta yang diwasiatkan (Mūsā Bih), dan (4) Sighah (Ijāb Qabūl).¹⁷ Fuqaha bersepakat bahawa wasiat mestilah dilakukan oleh seseorang yang boleh menguruskan hartanya, berakal dan baligh, rela hati melakukan wasiat serta memiliki harta yang ingin diwasiatkan itu. Maka tidak sah wasiat yang dilakukan oleh orang gila, kanak-kanak kecil, dan sebagainya yang tidak mencukupi syarat-syarat tersebut.¹⁸

Penerima wasiat pula disyaratkan supaya bukanlah pihak yang menggunakan harta tersebut kepada jalan maksiat, dikenal pasti penerima tersebut tanpa sebarang kekeliruan dan boleh memiliki harta.¹⁹Manakala hukum wasiat kepada orang bukan Islam pula, para fuqaha berbeza pandangan antara membenarkan dan melarangnya. Kesimpulannya, pandangan-pandangan fuqaha mengenai wasiat kepada bukan Islam berkait rapat dengan penjagaan masalah ekonomi umat Islam itu sendiri.²⁰ Manakala harta pula disyaratkan supaya tidak digunakan ke jalan yang haram seperti pembinaan gereja atau tempat-tempat haram dan sebagainya. Fuqaha berbeza pandangan mengenai wasiat yang dilakukan ke atas harta yang

¹¹Wāsil, *Fiqh Al-Mawārīth Wa Al-Waṣīyah Fī Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*, 107.

¹²Ibid.; Al-Zuhayliy, *Al-Waṣāyā Wa Al-Waqf Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*.

¹³Wāsil, *Fiqh Al-Mawārīth Wa Al-Waṣīyah Fī Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*, 107.

¹⁴Al-Zuhayliy, *Al-Waṣāyā Wa Al-Waqf Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*.

¹⁵Sābiq, *Fiqh Al-Sunnah*; Al-Zuhayliy, *Al-Waṣāyā Wa Al-Waqf Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*.

¹⁶Ibid.; Jasni Sulong, "Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang Dan Penggubalan Di Selangor."

¹⁷Sābiq, *Fiqh Al-Sunnah*; Al-Zuhayliy, *Al-Waṣāyā Wa Al-Waqf Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*.

¹⁸Muhammad 'Aliyy Maḥmūd Yaḥyā, "Aḥkām Al-Waṣīyah Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy" (*Jāmi'ah al-Najāh al-Waṭaniyyah*, 2010), 53–54.

¹⁹Ibid., 55.

²⁰Noor Lizza Mohamed Said and Muhammad Adib Samsudin, "Wasiat Kepada Non Muslim: Analisis Dari Perspektif Masalahah," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 8, no. 1 (2014): 63–80.

melebihi 1/3 daripada keseluruhan harta wasiat selain harta dan wasiat ke atas sesuatu yang masih belum wujud pada masa wasiat tersebut dilakukan.²¹

Maqāṣid al-Sharī'ah

Para ulama terdahulu yang membincangkan mengenai idea-idea ilmu *Maqāṣid al-Sharī'ah*²² tidak meletakkan satu definisi khusus mengenai ilmu ini seperti ilmu-ilmu lain. Menurut al-Raysūniy (1995), hal ini berlaku berkemungkinan kerana tiada keperluan dalam meletakkan satu definisi khusus pada ketika itu. Percubaan mendefinisikan ilmu *Maqāṣid al-Sharī'ah* ini timbul daripada idea Ibn 'Āshūr dan 'Allāl al-Fāsiy.²³ Dari satu sudut yang lain pula, kebarangkalian yang timbul juga adalah berkemungkinan perbincangan-perbincangan ulama terdahulu terhadap teori-teori *Maqāṣid al-Sharī'ah* adalah dengan melihatnya sebagai satu perbincangan dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dan bukannya sebagai satu cabang disiplin ilmu yang baru sehingga perlu meletakkan satu definisi terhadap ilmu ini.

Hakikatnya idea-idea serta teori *Maqāṣid al-Sharī'ah* telah lama timbul, bahkan sejak zaman Nabi s.a.w. lagi²⁴. Idea-idea ini seterusnya dibincang secara terperinci dalam beberapa karya-karya ilmu *Uṣūl al-Fiqh* yang dikarang oleh ulama-ulama terdahulu sehinggalah al-Juwayniy yang mengembangkan teori-teori *Maqāṣid al-Sharī'ah* melalui karya beliau *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* dan kemudian diikuti oleh ulama-ulama lain selepas beliau.²⁵ Sebelum *Maqāṣid al-Sharī'ah* didefinisikan, apa yang dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu adalah berupa teori-teori yang bernilai yang kemudiannya menjadi asas kepada pembinaan ilmu ini²⁶. Al-Qarāfiy umpamanya menyatakan bahawa asas syariah itu terbahagi kepada dua iaitu; ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dan ilmu '*Qawā'id Kulliyah Fiqhiyyah* yang disebut oleh beliau sebagai mengandungi rahsia-rahsia pensyariatian dan hikmahnya.²⁷ Al-Āmidiy juga turut menjelaskan mengenai objektif pensyariatian dengan kata beliau:²⁸

Tujuan sesuatu pensyariatian adalah sama ada untuk mendapatkan kebaikan (al-Maṣlaḥah), menolak kemudaratan (al-Mafṣadah) atau kedua-duanya.

Kesimpulan daripada definisi-definisi yang telah cuba dicadangkan oleh para sarjana, *Maqāṣid al-Sharī'ah* ialah objektif-objektif syarak di sebalik sesuatu pensyariatian, yang mana tujuan sesuatu pensyariatian adalah untuk merealisasikan objektif-objektif tersebut untuk kebaikan (*Maṣlaḥah*) manusia.²⁹

²¹ Yaḥyā, "Aḥkām Al-Waṣiyyah Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy," 57–58.

²² Di antara ulama-ulama terdahulu yang banyak memberi sumbangan yang signifikan dalam pembentukan ilmu *Maqāṣid al-Sharī'ah* ini ialah; al-Juwayniy (m.478H), al-Ghazāliy (m.505H), al-Rāziy (m.606H), al-Āmidiy (m.361H), 'Izz 'Abd al-Salām (m.660H), al-Shāṭibiy (m.790H) dan lain-lain.

²³ Aḥmad Al-Raysūniy, *Nazariyyāt Al-Maqāṣid 'Ind Al-Imām Al-Shāṭibiy* (Virginia: The International Institute of Islamic Thought, 1995), 17–18.

²⁴ Bahkan ayat-ayat Quran dan hadis-hadis sendiri mengandungi idea-idea *Maqāṣid al-Sharī'ah*, lihat umpamanya; QS 2:185, 4:28, 5:6 dan lain-lain lagi.

²⁵ Muḥammad Sa'd bin Aḥmad Al-Yūbiy, *Maqāṣid Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah Wa "Ilāqatuhā Bi Al-Adillah Al-Shar'iyyah* (Saudi Arabia: Dār al-Hijrah, 1998), 47.

²⁶ Walaupun pada hakikatnya mereka tidak bermaksud untuk membina ilmu *Maqāṣid al-Sharī'ah* ini.

²⁷ Al-Qarāfiy, Abū al-'Abbās Aḥmad bin Idrīs, *al-Furūq* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 1:6.

²⁸ Al-Āmidiy, 'Aliy bin Abī 'Aliy bin Muḥammad bin Sālim al-Tha'labiy, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Beirut: al-Maktab al-Islāmiy, t.t.), 3:271.

²⁹ Al-Raysūniy, Aḥmad, *op.cit.*, 19.

Kedudukan *Maqāṣid al-Sharī'ah* Dalam Ijtihad

Pensyaratan ilmu *Maqāṣid al-Sharī'ah* sebagai asas dalam penyelidikan hukum tidak dibincangkan oleh para *al-Uṣūliyyūn* terdahulu sehinggalah kenyataan yang dibuat oleh al-Qarāfiy yang meletakkan ilmu *Maqāṣid al-Sharī'ah* dan ilmu *Uṣūl al-Fiqh* sebagai asas syariah. Selain al-Qarāfiy, al-Shāṭibiy dengan jelas sekali mensyaratkan kepada seseorang yang ingin melakukan penyelidikan hukum (*al-Mujtahid*) untuk memenuhi dua syarat utama, iaitu kefahaman terhadap *Maqāṣid al-Sharī'ah* dan berkemampuan dalam mengambil hukum daripada sumber-sumber syarak (*al-Istinbāt*).³⁰

Resolusi yang dikeluarkan pada seminar *al-Maqāṣid al-Sharī'iyah wa Dawruhā fī Isntinbāt al-Aḥkām* menegaskan kepentingan pengambilkiraan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam melakukan penyelidikan hukum terutamanya dalam berhadapan dengan isu-isu semasa yang memerlukan kepada ijtihad-ijtihad baru. Resolusi tersebut menjelaskan bahawa pengambilkiraan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dapat menghasilkan penyelidikan hukum yang mantap dan tepat mengikut kehendak syarak.³¹

Maqāṣid al-Sharī'ah* Dalam Kontrak-Kontrak *al-Tabarru'āt

Kontrak *al-Tabarru'āt* merujuk kepada kontrak yang berlangsung antara pihak-pihak yang berkontrak atas dasar kebajikan dan tolong-menolong. Kontrak-kontrak ini adalah sama ada mempunyai ciri berkebajikan secara sendirinya ataupun sebagai tambahan kepada kontrak-kontrak lain dalam *Fiqh al-Mu'āmalāt* seperti kontrak al-Rahn yang merupakan kontrak untuk menjaga kebajikan pemberi hutang dalam kontrak *al-Qard*.³² Antara kontrak-kontrak *al-Tabarru'āt* dalam *Fiqh al-Mu'āmalāt* ialah; kontrak *hibah*, kontrak *qard ḥasan*, kontrak *ṣadaqah*, kontrak *waṣiyyah*, kontrak *kafālah* dan lain-lain.³³

Hasil Istiqrā' kepada nas-nas syarak yang dijalankan oleh Ibn 'Āshūr mendapati sekurang-kurangnya empat *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam pensyarian kontrak-kontrak yang bersifat *al-Tabarru'āt* dapat dikenalpasti, iaitu;³⁴ (1) Memperbanyakkan kontrak-kontrak *al-Tabarru'āt* kerana padanya ada *Maṣlahah* untuk individu dan orang ramai, (2) Kontrak-kontrak *al-Tabarru'āt* mestilah dilakukan dengan kerelaan dan keyakinan tanpa ragu-ragu, (3) Memperluaskan medium-medium kontrak *al-Tabarru'āt* mengikut keinginan pemberi, dan (4) Kontrak-kontrak *al-Tabarru'āt* mestilah tidak membawa kepada kehilangan harta dan hak orang lain.

Selain daripada itu, kontrak-kontrak bersifat *al-Tabarru'āt* ini boleh juga dikategorikan ke dalam konsep *Hifz al-Māl* (Penjagaan Harta). Justeru, sewajarnya bagi umat Islam untuk menggunakan kontrak-kontrak *al-Tabarru'āt* ini ke arah memelihara, menjaga dan mengurus

³⁰ Ibrāhīm bin Mūsā Al-Shāṭibiy, *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharī'ah*, ed. 'Abd Allāh Darrāz (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2006), 4:372–373.

³¹ Majma' al-Fiqh al-Islāmiy, "Qarār 167 (5/18)" (Resolusi seminar al-Maqāṣid al-Sharī'iyah wa Dawruhā fī Isntinbāt al-Aḥkām, Majma' al-Fiqh al-Islāmiy, Malaysia, 9-15 Julai 2007), 17.

³² Hailani Muji Tahir and Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: UPENA UiTM, 2009), 113.

³³ Muḥammad al-Ḥabīb Al-Tajkānī, *Nizām Al-Tabarru'āt Fī Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Ta'ṣīliyyāh 'an Al-Iḥsān Al-Ikhtiyārī* (Maghribi: Dār al-Nashr al-Maghribiyyah, 1983).

³⁴ Muḥammad Al-Ṭāhir 'Āshūr, *Maqāṣid Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2009), 212–217.

alam dalam konteks pembangunan ekonomi dan kewangan sejajar dengan matlamat dan kehendak syarak.³⁵

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya, wasiat yang merupakan salah satu kontrak *al-Tabarru'āt* dalam Islam adalah mengikut *Maqāṣid* kontrak *al-Tabarru'āt* seperti yang telah dijelaskan. Namun, bahagian ini akan membincangkan mengenai *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam pelaksanaan amalan wasiat secara khusus. Perbincangan akan dibahagikan kepada dua sub-topik utama, iaitu; (1) *Maqāṣid al-Sharī'ah* Dalam Pensyariatan Wasiat: Tinjauan Kepada Nas-Nas Syarak, dan (2) Wasiat dan *Maqāṣid al-Sharī'ah* secara umumnya.

***Maqāṣid al-Sharī'ah* Dalam Pensyariatan Wasiat: Tinjauan Kepada Nas-Nas Syarak Yang Berkaitan**

Sekitar 13 tempat dalam al-Quran³⁶ dan 180 buah hadis terdapat dalam kitab al-Sunan al-Sittah³⁷ termasuk hadis *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍa'īf* yang mempunyai kaitan dengan wasiat.³⁸ Namun, kajian ini akan memberikan fokus kepada beberapa hadis yang terpilih sahaja mengikut tema-tema utama yang berkaitan dengan wasiat untuk dianalisis mengikut *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang terkandung padanya.

(i) Galakan Menyegerakan Amalan Kebaikan

Dalam sebuah hadis, diriwayatkan daripada 'Abd Allāh Ibn 'Umar R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

*“Tidak sepatutnya seseorang muslim menyimpan sesuatu yang hendak diwasiatkannya selama dua malam melainkan dia menulis wasiatnya di sisinya”*³⁹

Berdasarkan kepada hadis di atas, boleh disimpulkan bahawa syarak menghendaki kepada seseorang hamba untuk melakukan amalan kebaikan dengan kadar segera dan tidak melewati-lewatkannya, lebih-lebih lagi jika perkara tersebut memberi manfaat yang besar kepada pemberi dan penerima, seperti amalan wasiat. Hadis tersebut meletakkan dua malam sebagai satu tempoh yang dikira lewat dalam melakukan amalan kebaikan. Hal ini bertepatan dengan sebuah hadis⁴⁰ lain yang mana Nabi Muhammad S.A.W. menggalakkan umatnya menyegerakan dan bersungguh-sungguh dalam melakukan kebajikan dan kebaikan sebelum

³⁵ Laldin, Mohamad Akram, Mek Wok Mahmud, and Mohd. Fuad Sawari, “Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, no. 2 (2008): 9.

³⁶ Muḥammad Fuād 'Abd al-Bāqī, *Al-Muḥjam Al-Mufahras Li Alfāz Al-Qurān Al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1364), 752.

³⁷ Kitab al-Sunan al-Sittah merujuk kepada 6 kitab muktabar dalam ilmu hadis riwayat, iaitu; (1) al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ karya al-Imām al-Bukhārī, (2) Ṣaḥīḥ Muslim karya al-Imām Muslim, (3) al-Sunan karya al-Imām Abū Dāwūd, (4) al-Jāmi' karya al-Imām al-Tirmidhī, (5) al-Sunan karya al-Imām al-Nasā'ī, dan (6) al-Sunan karya al-Imām Ibn al-Mājah. Lihat: 'Abd al-Ḥaqq Al-Dihlawī, *Muqaddimah Fi Uṣūl Al-Ḥadīth*, ed. Salman al-Ḥusaynī Al-Nadawī (Beirut, Lubnan: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1986).

³⁸ Rizalman Muhammad and Ishak Suliaman, *Wasiat Dan Hibah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 25.

³⁹ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Waṣāyā, no. hadis 2738, dan Muslim, Kitāb al-Waṣīyyah, no. hadis 4204.

⁴⁰ Hadis Ṣaḥīḥ yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās dan dikeluarkan oleh al-Ḥākim. (7846) 4 / 341

tiba masa tua, sakit, miskin, masa sibuk dan kematian yang menjelma. Justifikasi di sebalik *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam penyegeraan amalan kebaikan adalah merujuk kepada *maṣlahah* yang bakal diterima oleh kedua-dua pihak pemberi dan penerima.

(ii) Wasiat Kepada Waris

Fuqaha berbeza pandangan mengenai hukum wasiat yang diberikan kepada waris. Pandangan-pandangan fuqaha dalam masalah ini boleh disimpulkan kepada tiga pandangan, iaitu; (1) Pandangan yang melarang pemberian wasiat kepada waris secara mutlak iaitu pandangan sebahagian ulama mazhab Hanbali, mazhab Zāhiriyy, pandangan al-Muzaniyy, Ibn al-Mājishūn dan lain-lain, (2) Pandangan majoriti fuqaha yang membenarkan pemberian wasiat sekiranya mendapat kebenaran daripada waris-waris yang lain, dan (3) Pandangan mazhab Syiah al-Imāmiyyah al-Ja'fariyyah dan lain-lain yang membenarkan wasiat kepada waris secara mutlak tanpa perlu kepada persetujuan ahli waris yang lain.⁴¹

Hal ini demikian disebabkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abū Umāmah yang menunjukkan tegasan Nabi bahawa ahli waris tidak layak untuk menerima wasiat;

*“Seseungguhnya Allah telah memberikan hak kepada setiap orang dan tiada wasiat untuk ahli waris”*⁴²

Tanpa perlu dibincangkan secara terperinci mengenai perbezaan pandangan fuqaha mengenai hukum wasiat kepada waris, dari sudut penyelidikan *Maqāṣid al-Sharī'ah* boleh dilihat bahawa hadis tersebut cuba menegaskan kepentingan memberikan hak kepada mereka yang berhak. Justeru, larangan syarak terhadap pemberian wasiat kepada ahli waris adalah bersandarkan kepada hak ahli waris yang tidak mendapat wasiat akan berkurangan berbanding waris yang mendapat wasiat akan mendapat bahagian yang lebih banyak.

Pandangan-pandangan yang membenarkan pemberian wasiat kepada waris, seperti undang-undang “wasiat sunat”⁴³ di Mesir⁴⁴ umpamanya, adalah kerana justifikasi pertimbangan sosial dan ijtihad semasa yang sesuai dengan *maṣlahah* setempat dan semasa.⁴⁵ Justeru dalam hal ini, pertimbangan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam menentukan kewajaran peruntukan undang-undang wasiat kepada waris adalah sangat penting untuk menjadi dasar dalam melakukan ijtihad.

(iii) Kepentingan Meninggalkan Harta Kepada Waris

Salah satu daripada *Maqāṣid* utama dalam pensyariatkan hukum-hukum berkaitan pengurusan harta pusaka adalah bagi menjaga *Maṣlahah* ahli keluarga, baik dari segi harta yang boleh membantu kehidupan ahli keluarganya, ataupun dari sudut menjaga *maṣlahah* ahli keluarga

⁴¹ ‘Aliy Al-Khafīf, *Aḥkām Al-Waṣīyyah: Buḥūth Muqāranah*, 1st ed. (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, 2010), 305–306.

⁴² Hadis riwayat Abū Dāwūd, *Kitāb al-Waṣīyyah, Bāb Mā Jā’ fi Waṣīyyah li Wārith*, no. hadis 2870

⁴³ Wasiat harta kurang daripada satu pertiga kepada ahli waris. Peruntukan undang-undang ini membenarkan pewasiat memberikan wasiat kepada ahli waris walaupun tanpa persetujuan ahli waris yang lain. Peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor No. 4 tahun 1999 dalam seksyen 11 (2) juga turut memperuntukkan bahawa seseorang boleh menentukan bahagian masing-masing warisnya dari harta pusaka selagi tidak melebihi daripada kadar satu pertiga seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 26 (2). Lihat; Jasni Sulong, “Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang Dan Penggubalan Di Selangor,” *Jurnal Syariah* 13, no. 2 (2005)

⁴⁴ Jasni Sulong, “Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang Dan Penggubalan Di Selangor,” 65.

⁴⁵ *Ibid.*, 57.

daripada bergaduh dan sebagainya, seperti mana juga seseorang bertanggung jawab untuk menjaga keluarganya ketika masih hidup. Justeru itu, kita sering mendapati bahawa syarak begitu menitikberatkan soal tanggungjawab.⁴⁶

Atas dasar ini, syarak juga menekankan soal kepentingan menjaga *maṣlahah* ahli keluarga selepas kematian juga. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'd bin Abī Waqqās R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda;

*“Sesungguhnya jika kamu meninggalkan warismu dalam keadaan kaya itu lebih baik bagi mereka daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin, hingga mereka meminta-minta kepada orang lain.”*⁴⁷

Justeru, pengurusan harta pusaka mestilah diurus selari dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang menghendaki *Maṣlahah* kepada ahli keluarga si mati. Atas dasar ini, wasiat kepada ahli waris yang lebih memerlukan adalah perlu dipertimbangkan kesahannya mengikut *maṣlahah*. Dalam konteks anak kelainan upaya umpamanya, sewajarnya wasiat yang kurang daripada satu pertiga dikira sah walaupun mendapat tentangan ahli waris yang lain kerana melihatkan kepada keperluan yang biasanya lebih diperlukan oleh mereka yang kelainan upaya.

(iv) Keutamaan Hutang Berbanding Wasiat

Hasil *istiqrā'* kepada beberapa nas-nas mendapati bahawa syarak meletakkan keutamaan sesuatu perkara mengikut kepentingannya yang ditetapkan oleh syarak.⁴⁸ Misalnya, perkara yang wajib adalah diutamakan berbanding dengan perkara sunat.⁴⁹ Begitu juga halnya dalam pelaksanaan wasiat, pembayaran hutang adalah satu kewajipan yang mesti ditunaikan berbanding wasiat yang merupakan perkara sunat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada 'Ali bin Abī Ṭālib R.A. beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda;

*“Sesungguhnya Nabi S.A.W. membayar hutang terlebih dahulu berbanding wasiat, sedangkan kamu menetapkan wasiat terlebih dahulu sebelum hutang”*⁵⁰

Hadis di atas jelas menunjukkan praktis yang dilakukan oleh Nabi adalah mengutamakan bayaran hutang yang tertunggak kepada pemiutang sebelum daripada melaksanakan wasiat. Lebih-lebih lagi, Islam memandang hutang sebagai suatu perkara yang sangat berat dan merupakan tanggungjawab yang mesti diselesaikan oleh setiap penghutang. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa syarak meletakkan sesuatu perkara mempunyai prioriti yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, kegagalan meletakkan sesuatu perkara mengikut kehendak syarak adalah merupakan satu kesalahan yang perlu dibaiki dengan pemahaman yang betul terhadap konsep *Fiqh al-Awlawiyyāt*.

⁴⁶ Lihat umpamanya hadis sahīḥ yang diriwayatkan oleh 'Abd Allāh ibn 'Umar: “Setiap dari kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu adalah bertanggungjawab dengan apa yang dipimpinnya...” Şahīḥ al-Bukhārī 893.

⁴⁷ Muttafaq 'Alayh. Şahīḥ al-Bukhārī (2742), Şahīḥ Muslim (4209)

⁴⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fī Fiqh al-Awlawiyyāt: Dirāsah Jadīdah Fī Ḍaw' al-Qurān wa al-Sunnah*, Maktabah Wahbah, 2008

⁴⁹ Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjīhan Maṣlahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa,” *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107–43.

⁵⁰ Hadis riwayat Ibn Mājah, *Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Dayn Qabl al-Waṣiyyah*, h. 2641, no. 2715.

Wasiat Dan *Maqāsid al-Sharī'ah*

Bahagian ini akan meneroka hubungan antara wasiat dan *Maqāsid al-Sharī'ah* melalui dua aspek, iaitu; (1) Dari aspek wasiat menjaga *maṣlahah* terhadap *al-Kulliyāt al-Khams* dan menolak *mafsadah* daripadanya, dan (2) Dari aspek elemen *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan wasiat.

1. Wasiat dan Penjagaan *al-Kulliyāt al-Khams*

Antara *Maqāsid al-Sharī'ah* yang utama adalah penjagaan lima perkara yang disebut sebagai *al-Kulliyāt al-Khams*. Lima perkara yang menjadi objektif utama syarak dalam memberikan penjagaan ini ialah; (1) agama, (2) diri, (3) akal, (4) jiwa, dan (5) harta.⁵¹ Walaupun jelas menunjukkan bahawa pensyariatan wasiat adalah untuk penjagaan harta, namun dari sudut pandang yang lain, boleh dikatakan wasiat juga turut memberikan sumbangan terhadap penjagaan *al-Kulliyāt al-Khams* yang lain.

(i) Wasiat dan Penjagaan Agama

Antara bentuk penjagaan agama ialah penjagaan imejnya daripada dipandang buruk oleh orang lain.⁵² Oleh itu, segala usaha untuk menaikkan imej Islam dan umat Islam bolehlah dianggap sebagai memenuhi *Maqāsid al-Sharī'ah* dalam penjagaan agama. Dalam konteks wasiat pula, pensyariatan wasiat yang merupakan salah satu instrumen yang terbaik dalam pengurusan harta peninggalan si mati menunjukkan bahawa agama Islam merupakan agama yang bersifat holistik dan menyeluruh yang meliputi setiap aspek kehidupan seseorang. Hal ini sekaligus dapat menaikkan imej agama Islam sebagai satu-satunya agama yang terpilih di sisi Allah S.W.T dan merupakan agama bagi sekalian manusia di muka bumi ini.

Dari sudut penjagaan agama si mati pula, wasiat merupakan satu wasilah bagi memastikan si mati sentiasa mendapat pahala yang berkekalan dan berpanjangan walaupun dia telah meninggal dunia bagi memastikan kehidupannya di hari akhirat kelak lebih terjamin. Atas dasar inilah, Nabi Muhammad S.A.W. bersabda yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah R.A.,⁵³

“Sekiranya seseorang manusia itu meninggal dunia, maka akan terputuslah segala amalnya melainkan daripada tiga perkara; (1) sedekah jariah, (2) ilmu yang dimanfaatkan, atau (3) anak yang soleh yang mendoakan baginya”

(ii) Wasiat dan Penjagaan Jiwa

Penjagaan jiwa merupakan sesuatu perkara yang sangat ditekankan oleh syarak. Walaupun wasiat bukanlah satu pensyariatan khusus untuk penjagaan jiwa dan nyawa, namun pemberian wasiat kepada individu atau entiti yang boleh membawa kepada penghasilan *Maqṣad* penjagaan jiwa dan nyawa adalah sangat dituntut yang ternyata ganjaran pahala yang lebih besar menanti pewasiat kelak. Justeru, pewasiat mestilah bijak dalam menguruskan wasiatnya dengan mengutamakan mereka yang lebih memerlukan harta. Umpamanya, jika seseorang itu mempunyai anak angkat yang kurang upaya, adalah lebih wajar untuk wasiat dituliskan kepada mereka kerana wasiat tersebut sedikit sebanyak dapat membantu penerima

⁵¹ Al-Shāṭibiy, *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharī'ah*.

⁵² 'Abd Allāh bin Bayyah, "Al-Islām Dīn Al-Maḥabbah," n.d., <http://www.binbayyah.net/portal/research/48>.

⁵³ Hadis diriwayatkan oleh Saḥīḥ Muslim, no. hadis 1631.

wasiat tersebut untuk meneruskan kehidupan kerana anak angkat tidak dapat menikmati sebahagian daripada harta pusaka jika dia tidak diwasiatkan.

(iii) Wasiat dan Penjagaan Akal

Seperti mana wasiat dapat membantu ke arah merealisasikan *Maqṣad* penjagaan jiwa apabila disalurkan kepada tempatnya, wasiat juga dapat merealisasikan *Maqṣad* penjagaan akal. Wasiat kepada pembinaan institusi pengajian dan pusat penyelidikan, umpamanya dapat membantu ke arah penghasilan *Maqṣad* penjagaan akal yang mana merupakan antara *Maqṣad* yang utama dalam Islam.⁵⁴ Justeru, pemberian wasiat kepada badan-badan seperti sekolah, pusat tahfiz, pusat penyelidikan, rumah anaj-anak yatim dan sebagainya merupakan satu pilihan yang bijak bagi seseorang pewasiat lebih-lebih lagi manfaat tersebut akan dinikmati oleh orang ramai.

(iv) Wasiat dan Penjagaan Keturunan

Selain daripada wasiat menjadi satu amal kebajikan yang dilakukan oleh pewasiat, wasiat juga dari satu sudut dapat membantu dalam menjaga keturunan dan mengukuhkan lagi ikatan silaturrahim. Hal ini berlaku apabila terdapat ahli keluarga si mati yang tidak mendapat bahagian dalam pembahagian harta pusaka yang boleh membawa kepada pergaduhan yang berkemungkinan membawa kepada *mafsadah* kepada keturunan si mati. Dalam kes seperti ini, wasiat memainkan peranan bagi memastikan ahli-ahli keluarga yang tidak mempunyai bahagian dalam harta juga turut mendapatkan bahagian mereka melalui instrumen wasiat. Justeru, pewasiat mestilah sedar dan mengenalpasti ahli-ahli keluarga yang tidak mendapat bahagian dalam harta pusaka bagi memastikan mereka mendapat bahagian dalam wasiat dan sekaligus dapat membantu dalam merealisasikan *Maqṣad* penjagaan keturunan yang sangat ditekankan oleh syarak.⁵⁵

(v) Wasiat dan Penjagaan Harta

Wasiat sebagai salah satu instrumen pengurusan harta secara jelas menunjukkan bahawa pensyariatan wasiat adalah bertujuan untuk menjaga harta si mati daripada sebarang *mafsadah* yang mungkin berlaku. Harta merupakan sesuatu yang sangat bernilai bagi manusia dan boleh membawa kepada pergaduhan dan kerosakan jika tidak diurus dengan baik. Pelbagai kes dan kejadian telah dilaporkan yang disebabkan oleh masalah dalam pengurusan harta pusaka.⁵⁶ Justeru, pensyariatan wasiat merupakan salah satu wasilah yang disediakan oleh syarak bagi memenuhi *Maqṣad* penjagaan harta. Pewasiat bukan setakat boleh mewasiatkan sebahagian hartanya, bahkan pewasiat juga boleh mewasiatkan kepada seseorang untuk mengurus tadbir pembahagian harta pusaka selepas kematiannya bagi memastikan pembahagian berjalan lancar dan sekali gus menjaga *Maṣlahah* harta pewasiat.

⁵⁴ ‘Abd al-Qādir Hīrz Allāh, *Al-Madkhal Ilā ‘Ilm Maqāṣid Al-Sharī‘ah Min Al-Uṣūl Al-Naṣṣiyyah Ilā Al-Ishkālīyyāt Al-Mu’āṣirah* (Riyadh: Dār al-Rushd, 2005).

⁵⁵ Yūsuf Aḥmad Muḥammad Al-Badawiy, “Maqāṣid Al-Sharī‘ah ‘Ind Ibn Taymiyyah” (University of Jordan, 1999).

⁵⁶ Rujuk: <http://ukhwahwasiyah.tripod.com/teladan.html>

2. Maṣlahah dan Mafsadah Dalam Pelaksanaan Wasiat

Konsep *Maṣlahah* secara asasnya merujuk kepada sesuatu perkara yang baik, manakala konsep *Mafsadah* pula merujuk kepada sesuatu perkara yang buruk. Namun, dalam penentuan hukum syarak berdasarkan konsep ini, bukanlah semua jenis *al-Maṣāliḥ* dan *al-Mafāsīd* ini boleh diterima, bahkan ada kriteria-kriteria yang tertentu yang diiktiraf oleh syarak sahaja yang boleh diambilkira.⁵⁷

Bahagian ini akan menganalisis kaedah pen*Tarjīhan* yang perlu dibuat sekiranya berlaku pertembungan dan kontradiksi antara *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam empat situasi berikut; (i) Pertembungan *mafsadah* dan *maṣlahah* yang setaraf, (ii) Pertembungan *mafsadah* dan *maṣlahah* antara individu dan ramai, (iii) Pertembungan *mafsadah* dan *maṣlahah* yang tidak setaraf, dan (iv) Pertembungan antara *mafsadah* dengan *mafsadah* atau *maṣlahah* dengan *maṣlahah*.

(i) Pertembungan *Mafsadah* dan *Maṣlahah* Yang Setaraf

Menolak *Mafsadah* adalah diutamakan berbanding menghasilkan *Maṣlahah* sekiranya keduanya berada pada peringkat yang sama.⁵⁸ Dalam konteks amalan wasiat, kaedah ini boleh diaplikasikan dalam masalah si mati yang mempunyai tunggakan zakat, sama ada zakat didahulukan daripada wasiat ataupun sebaliknya.

Terdapat beberapa pandangan fuqaha dalam masalah; (1) al-Imam Malik berpendapat bahawa zakat hanya dikeluarkan sekiranya terdapat wasiat si mati untuk memnunaikannya. Harta yang digunakan untuk membayar zakat tersebut hendaklah diambil daripada 1/3 daripada harta peninggalan, (2) al-Imam al-Shafi'i pula berpandangan bahawa zakat perlu diutamakan dan dikeluarkan daripada keseluruhan harta. Pandangan yang mengutamakan zakat berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbās R.A.,⁵⁹ “Maka hutang Allah lebih patut untuk ditunaikan”, manakala al-Imam Malik pula menyamakan pengeluaran zakat dengan wasiat, maka zakat perlu dikeluarkan sekiranya si mati mewasiatkannya.⁶⁰

Dengan melihat dari sudut *Maqāṣid al-Sharī'ah*, pandangan yang mengutamakan zakat daripada wasiat adalah lebih *rājih* bagi mengelakkan seseorang sengaja melewatkan zakat dengan alasan zakat tersebut boleh ditunaikan selepas kematiannya. Oleh kerana zakat merupakan satu tuntutan dalam agama, maka penjagaan agama daripada *mafsadah* (tidak mengeluarkan zakat) mestilah diutamakan berbanding *maṣlahah* yang terhasil daripada wasiat. Oleh yang demikian, Ibn Ḥazm memilih pandangan al-Ḥasan, Ṭāwus, al-Zuhrī, al-Shāfi'ī, Aḥmad dan Dāwud yang memilih keutamaan kepada hak-hak Allah diutamakan, kemudian kepada hutang-hutang yang tertunggak dan diikuti dengan wasiat dan pembahagian harta pusaka sekiranya masih berbaki.⁶¹

Berpandukan konsep ini juga, seseorang pewasiat tidak boleh memberikan wasiat kepada seseorang yang secara pasti dan yakin akan menggunakan harta yang diperolehinya secara haram.⁶² Dalam hal ini berlakunya pertembungan antara *maṣlahah* (pewasiat mendapatkan

⁵⁷ Al-Ṭāhir'Āshūr, *Maqāṣid Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah*.

⁵⁸ Al-Amīdiy, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*,

⁵⁹ Hadis diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī, no. hadis 1513.

⁶⁰ *Bidayah*, 4/2044

⁶¹ Ibn Hazm, *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*, 10:465.

⁶² Jalāl al-Dīn Al-Suyūṭiy, *Al-Ashbāh Wa Al-Nazāir Fī Qawā'id Wa Furū' Fiqh Al-Shāfi'iyah*, ed. 'Imād Zakī Al-Bārūdiy and Khayrī Sa'īd (Kaherah: Dār al-Tawfīqiyyah Li al-Turāth, 2009).

ganjaran daripada amalan wasiat) dan *mafsadah* (penerima wasiat melakukan sesuatu perkara yang haram daripada harta wasiat yang diperolehi). Maka, sewajarnya didahulukan penolakan *mafsadah*, iaitu dengan melarang pemberian wasiat kepada mereka yang secara pasti akan menggunakannya ke jalan yang dilarang oleh syarak.

(ii) Pertembungan *Mafsadah* dan *Maşlahah* Antara Individu dan Orang Ramai

Maşlahah atau *mafsadah* yang berkait dengan orang ramai lebih diutamakan berbanding yang hanya memberikan manfaat kepada individu-individu tertentu sahaja.⁶³ Jika pewasiat mempunyai pilihan antara pemberian wasiat kepada individu-individu tertentu dan komuniti yang lebih ramai, maka diutamakan untuk memberikan wasiat tersebut kepada benifesari yang lebih ramai, atau dengan kata lain wasiat yang boleh memberikan manfaat kepada ramai pihak. Contohnya, jika pilihan pewasiat adalah untuk mewasiatkan hartanya sama ada kepada beberapa orang kawannya atau rumah kebajikan yang dimilikinya yang memerlukan bantuan, maka diutamakan pemberian kepada rumah kebajikan tersebut kerana *maşlahah* yang akan terhasil daripada pemberian wasiat tersebut lebih luas dan besar.

Namun, perlu diingat bahawa kaedah ini hanyalah sebagai panduan dalam melaksanakan wasiat sahaja, sebaliknya pewasiat bebas menentukan penerima yang diinginkan. Kaedah ini juga sama halnya dengan pertembungan *mafsadah* dan *maşlahah* yang besar dan kecil, maka mestilah didahulukan yang lebih besar berbanding yang lebih kecil.⁶⁴ Dalam masalah hibah pada masa *marad al-mawt* umpamanya, terdapat pertembungan antara *maşlahah* (pewasiat ingin mendapatkan ganjaran pahala daripada amalan hibah) dan *mafsadah* (hak ahli waris akan berkurangan dan kemungkinan wasiat tersebut dilakukan dalam keadaan pewasiat tidak dapat membuat keputusan secara matang). Justeru, majoriti fuqaha⁶⁵ berpandangan bahawa hibah yang dilakukan ketika *marad al-mawt* dikira sebagai wasiat jika pesakit tersebut meninggal dunia. Jika pesakit tersebut sembuh, maka hibah tersebut dikira terlaksana dan tertakluk kepada hukum-hukum hibah.⁶⁶ Maka, dalam hal ini penolakan *mafsadah* yang besar lebih diutamakan berbanding penghasilan *maşlahah* yang lebih ringan.

(iii) Pertembungan *Mafsadah* dan *Maşlahah* yang Tidak Setaraf

Ketiga-tiga peringkat ini perlu diambilkira dalam menentukan sesuatu *al-Maşāliḥ* dan *al-Mafāsīd* dalam penentuan hukum fiqh dan perlu diberikan keutamaan mengikut peringkat masing-masing dengan diutamakan *al-Ḍarūriyyāt*, kemudian *al-Ḥājiyyāt*, dan peringkat yang terakhir sekali adalah *al-Taḥsīniyyāt*.⁶⁷

Konsep ini terpakai sebagai panduan bagi pewasiat untuk melakukan wasiatnya. Jika seandainya pewasiat mempunyai dua pilihan untuk memilih *wāşīnya*, maka memilih *wāşī* yang lebih memerlukan adalah lebih diutamakan. Lebih-lebih lagi, wasiat merupakan sebuah kontrak kebajikan yang bakal menjadi amal kebajikan terakhir pewasiat untuk membantunya selepas kematian nanti. Walau bagaimanapun, pewasiat bebas untuk memilih penerima mengikut pilihannya selagi mana mengikut ketentuan yang telah ditetapkan oleh syarak.

⁶³ Al-Shāḥibiy, *Al-Muwāfaqāt Fī Uşūl Al-Sharī'ah*.

⁶⁴ Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Maşlahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa," 112.

⁶⁵ Bahkan dikatakan berlaku ijmak dalam masalah ini oleh Ibnu Qudāmah. Lihat: Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī* (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 6:61.. 6:61

⁶⁶ Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), *Manual Pengurusan Wasiat*, 2010, 21.

⁶⁷ Al-Raysūniy, *Naẓariyyāt Al-Maqāsid 'Ind Al-Imām Al-Shāḥibiy*.

Jika diaplikasikan konsep *al-Ḍarūriyyāt*, *al-Ḥājiyyāt*, dan *al-Taḥsīniyyāt* kepada hukum-hukum *taḳlīf*⁶⁸, permasalahan *Tazāḥum al-Waṣāyā*⁶⁹ dan berlaku pertembungan antara hak Allah dan hak manusia boleh diselesaikan berpandukan kaedah ini. Justeru, didahulukan wasiat yang berkait dengan amalan fardhu,⁷⁰ diikuti dengan wasiat kepada perkara wajib⁷¹ dan kemudiannya wasiat perkara-perkara sunat⁷² sekiranya masih berbaki.⁷³

(iv) Pertembungan Antara *Mafsadah* dengan *Mafsadah* Atau *Maṣlaḥah* dengan *Maṣlaḥah*

Penolakan *mafsadah* dan penghasilan *maṣlaḥah* adalah mengikut keutamaan peringkat *al-Kulliyāt al-Khams*.⁷⁴ Namun, tidak dinafikan bahawa sarjana berbeza pandangan mengenai susunan peringkat *al-Kulliyāt al-Khams* ini.⁷⁵ Susunan yang disarankan oleh al-Ghazālī⁷⁶, al-Rāzī⁷⁷, al-Isnawī⁷⁸ dan al-Subkī⁷⁹ ialah; (1) agama, (2) jiwa, (3) akal, (4) harta, dan (5) keturunan.

Selain daripada konsep ini boleh menjadi panduan kepada pewasiat dalam menulis wasiat, konsep ini juga terpakai dalam beberapa permasalahan dalam amalan penulisan wasiat seperti masalah wasiat kepada non-muslim. Dalam masalah ini, fuqaha berbeza pandangan dengan membahagikan situasi sama ada non-muslim tersebut adalah kafir *ḥarbī* ataupun kafir *zimmī*; (1) secara umumnya, majoriti fuqaha membenarkan wasiat diberikan kepada kafir *zimmī*,⁸⁰ manakala (2) kafir *ḥarbī* pula, fuqaha berbeza pandangan kepada 3; (i) mazhab al-Shāfi'ī dan mazhab Ḥanbalī berpandangan bahawa wasiat boleh diberikan kepada orang kafir *ḥarbī* yang telah ditentukan (*al-Mu'ayyan*) dengan melakukan qiyas kepada hibah, (ii) pandangan lain dalam Mazhab Ḥanbalī serta pandangan al-Imām Mālik berpendapat bahawa pemberian wasiat kepada kafir *ḥarbī* adalah dibolehkan secara mutlak, manakala (iii) pandangan terpilih dalam Mazhab Malikī dan mazhab Ḥanafī adalah mengatakan bahawa pemberian wasiat kepada kafir *ḥarbī* adalah tidak sah.⁸¹

Perbezaan pandangan fuqaha dalam masalah ini hakikatnya didasari dengan sudut pandang masing-masing dalam menjaga *maṣlaḥah* agama dan menolak segala *mafsadah*

⁶⁸ Iaitu dengan meletakkan Wajib dan Haram sebagai *al-Ḍarūriyyāt/al-Ḥājiyyāt* (mesti buat dan mesti tinggal), Sunat dan Makruh sebagai *al-Taḥsīniyyāt*.

⁶⁹ *Tazāḥum al-Waṣāyā* adalah keadaan di mana himpunan wasiat-wasiat yang dibuat oleh si mati melebihi kuota satu pertiga dan tidak mendapat persetujuan daripada ahli waris yang lain. Lihat al-Mulakḥaṣ al-Fiqhī, 2:220-221

⁷⁰ Seperti wasiat melaksanakan fardhu haji, mengeluarkan zakat yang tertunggak dan sebagainya.

⁷¹ Seperti nazar dan lain-lain.

⁷² Seperti wasiat untuk membina masjid, hospital dan sebagainya.

⁷³ Sulaymān Al-Jāsir, *Lamaḥāt Muḥimmah Fi Al-Waṣīyah* (Riyadh: Madār al-Waṭn, 2013), 45.

⁷⁴ Ridzwan Ahmad, Metode Pentarjihan Maṣlaḥah dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa, Jurnal Syariah, 16, 1, 2008. 123.

⁷⁵ 'Alī Jumu'ah, "Tartīb Al-Maqāṣid Al-Shar'iyyah," in *Mu'tamar Al-'Ām Al-Thānī Wa Al-'Ishrūn Li Al-Majlis Al-'A lā: Maqāṣid Lal-Sharī'ah Wa Qaḍāyā Al-'Aṣr*, 2013.

⁷⁶ Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Al-Mustaṣfā Fī 'Ilm Al-Uṣūl*, ed. Muḥammad 'Abd al-Salām 'Abd al-Shāfi' (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413), 174.

⁷⁷ Muḥammad bin 'Umar Al-Rāzī, *Al-Maḥṣūl Fī 'Ilm Al-Uṣūl*, ed. Ṭāhā Jābir Al-'Alwāniy (Riyadh: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, 1400), 5:220.

⁷⁸ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥīm Al-Isnawī, *Nihayah Al-Sūl Sharḥ Minhāj Al-Wuṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 2:244.

⁷⁹ 'Aliy 'Abd al-Kāfi Al-Subkī and Ṭāj al-Dīn Al-Subkī, *Al-Ibhāj Fī Sharḥ Al-Minhāj 'Alā Minhāj Al-Wuṣūl Ilā 'Ilm Al-Uṣūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1404), 3:55.

⁸⁰ Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah – Al-Kuwayt, *Al-Mawsū'ah Al-Fiqhiyyah*, 1983, 43:253.

⁸¹ Ibid.

daripadanya.⁸² Melihat dari sudut *Maqāṣid al-Sharī'ah*, fuqaha yang melarang pemberian wasiat kepada kafir *ḥarbī* adalah berdasarkan *Maqāṣid* penjagaan *maṣlahah* agama melihat kepada sifat kafir *ḥarbī* yang memusuhi Islam.

KESIMPULAN

Pensyariatan wasiat merupakan sebuah instrumen yang ditawarkan oleh syarak bagi menjaga *maṣlahah* ramai pihak dalam pengurusan harta pusaka. Selain daripada wasiat yang merupakan bantuan kepada mereka yang memerlukan, wasiat juga menjadi wasilah kepada pewasiat untuk meraih pahala dan ganjaran yang akan dinikmati selepas kematian. Kajian ini mendapati bahawa pensyariatan wasiat bukan setakat cuba merealisasikan *Maqāṣid* pensyariatan wasiat sahaja dalam mengurus harta peninggalan si mati, bahkan instrumen wasiat juga adalah wasilah bagi mencapai *maṣlahah* kepada *al-Kulliyāt al-Khams*. Memandangkan wasiat merupakan salah satu daripada *'Uqūd al-Tabarru'āt*, maka pelaksanaannya juga adalah tidak begitu rigid dan lebih bersandarkan kepada *maṣlahah*. Justeru, *Maqāṣid al-Sharī'ah* mestilah dijadikan sandaran dalam ijtihad semasa kepada penyelesaian terhadap isu-isu khilaf yang berlaku dalam hukum wasiat.

RUJUKAN

- ‘Abd Allāh bin Bayyah. “Al-Islām Dīn Al-Maḥabbah,” n.d. <http://www.binbayyah.net/portal/research/48>.
- Al-Badawiy, Yūsuf Aḥmad Muḥammad. “Maqāṣid Al-Sharī‘ah ‘Ind Ibn Taymiyyah.” University of Jordan, 1999.
- Al-Dihlawī, ‘Abd al-Ḥaqq. *Muqaddimah Fī Uṣūl Al-Ḥadīth*. Edited by Salman al-Ḥusaynī Al-Nadawī. Beirut, Lubnan: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1986.
- Al-Ghazāliy, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Mustasfā Fī ‘Ilm Al-Uṣūl*. Edited by Muḥammad ‘Abd al-Salām ‘Abd al-Shāfi. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413.
- ‘Alī Jumu‘ah. “Tartīb Al-Maqāṣid Al-Shar‘iyyah.” In *Mu‘tamar Al-‘Ām Al-Thānī Wa Al-‘Ishrūn Li Al-Majlis Al-‘Alā: Maqāṣid Lal-Sharī‘ah Wa Qaḍāyā Al-‘Aṣr*, 2013.
- Al-Isnāwī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥīm. *Nihayah Al-Sūl Sharh Minhāj Al-Wuṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- Al-Jāsir, Sulaymān. *Lamaḥāt Muhimmah Fi Al-Waṣiyyah*. Riyadh: Madār al-Waṭn, 2013.
- Al-Jazīriy, ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad. *Al-Fiqh ‘Alā Al-Madhāhib Al-Arba‘ah*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

⁸² Noor Lizza Mohamed Said and Muhammad Adib Samsudin, “Wasiat Kepada Non Muslim: Analisis Dari Perspektif Maslahah,” 75.

- Al-Khafīf, ‘Alīy. *Aḥkām Al-Waṣīyyah: Buḥūth Muqāranah*. 1st ed. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiy, 2010.
- Allāh, ‘Abd al-Qādir Ḥirz. *Al-Madkhal Ilā “Ilm Maqāsid Al-Sharī”ah Min Al-Uṣūl Al-Naṣīyyah Ilā Al-Ishkālīyyāt Al-Mu’āṣirah*. Riyadh: Dār al-Rushd, 2005.
- Al-Raysūniy, Aḥmad. *Naẓariyyāt Al-Maqāsid ‘Ind Al-Imām Al-Shāṭibiy*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, 1995.
- Al-Rāziy, Muḥammad bin ‘Umar. *Al-Maḥṣūl Fī ‘Ilm Al-Uṣūl*. Edited by Ṭāhā Jābir Al-‘Alwāniy. Riyadh: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 1400.
- Al-Sharbīniy, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb. *Mughnī Al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz Al-Minhāj*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Shāṭibiy, Ibrāhīm bin Mūsā. *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharī‘ah*. Edited by ‘Abd Allāh Darrāz. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2006.
- Al-Subkī, ‘Alīy ‘Abd al-Kāfī, and Ṭāj al-Dīn Al-Subkī. *Al-Ibhāj Fī Sharḥ Al-Minhāj ‘Alā Minhāj Al-Wuṣūl Ilā ‘Ilm Al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1404.
- Al-Suyūṭiy, Jalāl al-Dīn. *Al-Ashbāh Wa Al-Nazāir Fī Qawā‘id Wa Furū‘ Fiqh Al-Shāfi‘iyyah*. Edited by ‘Imād Zakī Al-Bārūdiy and Khayrī Sa‘īd. Kaherah: Dār al-Tawfīqiyyah Li al-Turāth, 2009.
- Al-Ṭāhir ‘Ashūr, Muḥammad. *Maqāsid Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2009.
- Al-Tajkānī, Muḥammad al-Ḥabīb. *Nizām Al-Tabrru‘āt Fī Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Ta‘ṣīliyyāh ‘an Al-Iḥsān Al-Ikhtiyārī*. Maghribi: Dār al-Nashr al-Maghribiyyah, 1983.
- Al-Yūbiy, Muḥammad Sa’d bin Aḥmad. *Maqāsid Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah Wa “Ilāqatuhā Bi Al-Adillah Al-Sharī‘iyyah*. Saudi Arabia: Dār al-Hijrah, 1998.
- Al-Zuḥayliy, Wahbah. *Al-Waṣāyā Wa Al-Waqf Fī Al-Fiqh Al-Islāmiy*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabiy, 1987.
- Badrul Hakimi Bustamam, and Yusni Yusak. “Hibah Dan Wasiat Pelengkap Pegurusan Warisan Islam: Kajian Di Wasiyyah Shoppe,” n.d.
- Hailani Muji Tahir, and Sanep Ahmad. *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: UPENA UiTM, 2009.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn ‘Umar. *Radd Al-Muḥtār ‘Alā Al-Durr Al-Mukhtār*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Fikr, 1992.
- Ibn Hazm, Abū Muḥammad ‘Alīy Aḥmad. *Al-Muḥallā Bi Al-Āthār*. Beirut: Dār al-Fikr, n.d.
- Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968.

- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). *Manual Pengurusan Wasiat*, 2010.
- Jasni Sulong. “Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang Dan Penggubalan Di Selangor.” *Jurnal Syariah* 13, no. 2 (2005): 47–63.
- Laldin, Mohamad Akram, Mek Wok Mahmud, and Mohd. Fuad Sawari. “Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf.” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, no. 2 (2008): 1–24.
- Mohd Zamro Muda. “Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia.” In *Konvensyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan 2008*, 2008.
- Muhammad Fuād ‘Abd al-Bāqī. *Al-Mu’jam Al-Mufahras Li Alfāz Al-Qurān Al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1364.
- Noor Lizza Mohamed Said, and Muhammad Adib Samsudin. “Wasiat Kepada Non Muslim: Analisis Dari Perspektif Maslahah.” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 8, no. 1 (2014): 63–80.
- Ridzwan Ahmad. “Metode Pentarjīhan Maṣlahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa.” *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107–43.
- Rizalman Muhammad, and Ishak Suliaman. *Wasiat Dan Hibah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007.
- Sābiq, Sayyid. *Fiqh Al-Sunnah*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy, 1977.
- Wāsil, Naṣr Farīd Muḥammad. *Fiqh Al-Mawārīth Wa Al-Waṣīyyah Fī Al-Sharī‘ah Al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfīqiyyah, 1995.
- Wazārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah – Al-Kuwayt. *Al-Mawsū‘ah Al-Fiqhiyyah*, 1983.
- Yaḥyā, Muḥammad ‘Aliyy Maḥmūd. “Aḥkām Al-Waṣīyyah Fī Al-Fiqh Al-Islāmiyy.” *Jāmi‘ah al-Najāh al-Waṭaniyyah*, 2010.
- Zayn al-Dīn Muḥammad Abū Bakr al-Rāziyy. *Mukhtār Al-Ṣiḥāh*. Edited by Yūsuf al-Shaykh Muḥammad. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, n.d.